

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL BAYARAN LESEN UNTUK PASAR-PASAR

(MAJLIS DAERAH KRIAN), 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 (d) *Akta 171.*
(iv) dan (v) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Majlis Daerah Krian membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-undang Kecil berikut:

1. Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan **Undang-undang Kecil Bayaran Lesen untuk Pasar-pasar (Majlis Daerah Krian), 1984** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Krian sahaja dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1983. *Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.*
2. Bayaran Lesen bagi pasar-pasar awam dan pasar persendirian adalah dengan ini ditetapkan seperti dalam Jadual I dan II: *Bayaran lesen.*
3. Bayaran-bayaran Lesen seperti yang ditentukan dalam Bahagian V Undang-undang Kecil Lembaga Bandaran 1935 yang dipakai oleh Majlis Daerah Krian adalah dengan ini dimansuhkan. *Pemansuhan. FMS GN 3797/35. FMS GN 134/37.*

JADUAL I
BAHAGIAN I

(BAYARAN LESEN BAGI GERAI PASAR-PASAR AWAM)

Bil.	Jenis Perniagaan	\$ setahun
1.	Menjual sayur	120
2.	Menjual buah-buahan	72
3.	Menjual ikan	240
4.	Menjual ayam/itik	180
5.	Menjual daging lembu/kerbau	240
6.	Menjual daging kambing	120
7.	Menjual daging babi/babi panggang	240
8.	Lain-lain perniagaan	120

BAHAGIAN II

(BAYARAN LESEN BAGI GERAI DI LUAR PASAR-PASAR AWAM)

Bil.	Jenis Perniagaan	\$ setahun
1.	Menjual buah-buahan	72
2.	Menjual daging babi	72
3.	Menjual ayam/itik	120
4.	Menjual sayuran	72
5.	Menjual ikan	120

JADUAL II

Bil.	Jenis Perniagaan	\$ setahun
1.	Rumah sembelih persendirian	120
2.	Pasar persendirian	500

Diperbuat pada 5hb September 1983.
[MDK 51/71, PU Pk. 36/76.]

MOHD SHARIFF BIN NOORANI,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Krian

Disahkan pada 11hb April 1984.
[PSUK Pk. (KT) 21045.]

MOHD. SHAHAR BIN HAJI ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perak